



جَبَاتَانْ هَالْ اَهْوَالْ اِغَامَا اِيسْلَامْ نِغِيرِيْ سَابَاهْ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِحْطَبَةُ الْجُمُعَاتِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

21 SYAWAL 1447H/ 10 APRIL 2026M

“KEBERKATAN BERKELUARGA MELALUI PENGHAYATAN ISLAM”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ وَبَعَثَ التَّيِّبِينَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ الْأَمِينُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَإِنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan dibaca. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh menghapuskan pahala ibadah kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan sepenuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Keberkatan Berkeluarga Melalui Penghayatan Islam”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Keberkatan dalam berkeluarga bukanlah bermaksud rumah yang besar, bukan pada harta yang melimpah-ruah, bukan juga pada mewahnya hidangan di atas meja, tetapi pada hadirnya rasa tenang dan bahagia setiap kali kita melangkah masuk pulang ke rumah. Islam memandang

keluarga sebagai asas penting dalam pembinaan masyarakat yang sejahtera. Keluarga yang dibina atas dasar iman dan takwa akan melahirkan suasana yang penuh kasih sayang, ketenangan dan keberkatan. Firman Allah SWT dalam surah ar-Rum, ayat 21:

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untuk kamu pasangan-pasangan daripada jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya antara kamu kasih sayang dan rahmat.”

Ayat ini menjelaskan bahawa tujuan perkahwinan adalah untuk mencapai *sakinah* (ketenangan), *mawaddah* (kasih sayang) dan *rahmah* (belas kasihan). Keberkatan dalam keluarga tidak akan tercapai tanpa penghayatan Islam yang sebenar. Setiap ahli keluarga perlu memainkan peranan masing-masing. Suami sebagai ketua keluarga hendaklah memimpin dengan adil dan bertanggungjawab, manakala isteri menjadi pendamping yang taat dan penyayang, serta anak-anak dididik dengan nilai-nilai Islam. Daripada Aisyah *radiallahu’anha*, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي.

Maksudnya: “Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli.”
(Riwayat at-Tirmizi)

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Dalam konteks membina keluarga bahagia, pemilihan pasangan yang beragama akan membawa kepada kehidupan yang lebih diberkati. Hal ini kerana individu yang berpegang teguh kepada agama akan sentiasa menjaga hubungan dengan Allah SWT serta mengamalkan nilai-nilai murni seperti sabar, amanah, hormat dan kasih sayang dalam rumah tangga. Nabi Muhammad SAW bersabda:

تُنكَحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ: لِمَالِهَا، وَلِحَسَبِهَا، وَلِجَمَالِهَا، وَلِدِينِهَا، فَظَفَرُ بِيَدَاتِ الدِّينِ
تَرَبَّتْ يَدَاكَ.

Maksudnya: *“Wanita dinikahi kerana empat perkara: hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah yang beragama, nescaya kamu beruntung.”* (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Jika pemilihan pasangan hanya berdasarkan harta, kecantikan atau keturunan semata-mata tanpa asas agama, kebahagiaan tersebut mungkin bersifat sementara dan mudah terjejas apabila berdepan dengan ujian kehidupan. Ketahuilah cabaran besar era kini ialah masyarakat hanya melihat Islam sebagai ibadah semata-mata, bukan lagi Islam sebagai cara hidup yang perlu diikuti dan dihayati secara menyeluruh. Kita sering mendidik keluarga untuk bersolat dan berpuasa, tetapi adakah nilai-nilai seperti amanah, sabar dan kasih sayang diamalkan dalam seharian? Keberkatan hadir apabila nilai agama meresap ke dalam tingkah laku seharian mereka; apabila suami melayani isteri dan anak-anak dengan ihsan dan penuh kasih sayang, dan anak-anak pula berbakti kepada orang tua dengan penuh hormat serta kelembutan.

Dalam usaha kita membina keberkatan berkeluarga, kita perlu memahami bahawa setiap fasa tumbesaran anak-anak memerlukan pendekatan

yang berbeza. Keberkatan tidak akan hadir melalui paksaan, tetapi melalui kebijaksanaan dalam mendidik. Saidina Ali bin Abi Thalib *Radiallahu'anhu* telah meninggalkan panduan buat kita semua: "*Bermain-mainlah dengan anak kamu sehingga usianya tujuh tahun. Kemudian hendaklah kamu mengajarkannya adab bermula usia tujuh sehingga empat belas tahun, serta jadikannya sahabat ketika berusia empat belas tahun ke atas*".

Imam al-Ghazali *rahimahullah* dalam Kitab *Ihya' Ulumuddin* menegaskan bahawa keluarga yang dibina atas dasar agama akan melahirkan jiwa yang tenang dan kehidupan yang diberkati, kerana setiap anggota keluarga sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap keadaan. Keluarga sebegini akan menjadi tempat ketenangan, sumber keberkatan, dan benteng dari segala gangguan syaitan serta perbuatan dosa. Justeru, marilah kita mengamalkan amalan ini dalam kehidupan berkeluarga agar rumah tangga kita sentiasa dipenuhi rahmat, sakinah dan keberkatan Allah SWT.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Memelihara keluarga daripada api neraka bukanlah sekadar memenuhi rukun Islam secara ibadah semata-mata, tetapi perkara dan perintah ini menuntut kita membina benteng akhlak yang teguh dalam rumah tangga kita. Hendaklah kita memastikan bahawa setiap makanan yang diambil oleh diri kita serta yang menjadi darah daging ahli keluarga kita berpunca daripada sumber rezeki yang halal lagi diberkati. Sesungguhnya rezeki yang halal membawa keberkatan, ketenangan jiwa dan kesejahteraan hidup, manakala rezeki yang haram hanya akan menjauhkan kita daripada rahmat serta menghilangkan ketenangan dalam kehidupan.

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Mimbar mengambil peluang untuk berpesan kepada jamaah sekalian bahawa kita hendaklah menerapkan konsep Maqasid Syariah dalam berkeluarga. Maqasid Syariah ialah matlamat utama pensyariaan hukum Islam yang bertujuan membawa kebaikan (maslahah) dan menolak kemudaratan dalam kehidupan manusia. Konsep ini berteraskan lima prinsip utama, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Apabila kelima-lima aspek ini dijaga, maka lahirlah sebuah keluarga yang sejahtera, harmoni dan diberkati oleh Allah SWT. Marilah bersama-sama memelihara ahli keluarga kita daripada terjerumus ke dalam gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, ketagihan menghidu gam dan seumpamanya. Perbuatan ini merupakan antara punca kerosakan akhlak serta kemerosotan nilai kemanusiaan dalam institusi kekeluargaan. Bersempena memperingati Hari Antidadah Kebangsaan 2026, mimbar menyeru sidang jamaah agar berganding bahu memerangi gejala ini dengan memperkukuh iman, menimba ilmu serta memupuk kasih sayang sesama insan.

Ingatlah, jangan sesekali kita memandang golongan ini sebagai hina atau terpinggir, kerana di sebalik kelemahan mereka terdapat jiwa yang memerlukan bimbingan dan pertolongan. Penyalahgunaan dadah bukan sekadar isu pelanggaran undang-undang, bahkan merupakan suatu penderitaan batin yang memerlukan perhatian, rawatan dan sokongan berterusan berlandaskan nilai keimanan. Justeru, marilah kita bersama-sama mengimarahkan rumah tangga dengan melaksanakan solat berjamaah sama ada di rumah mahupun di masjid, memperbanyakkan zikir dan membimbing ahli keluarga untuk melazimi bacaan al-Quran di rumah agar kehidupan sekeluarga sentiasa dipenuhi dengan keberkatan dan ketenangan. Pada masa yang sama, jauhilah sikap melampiaskan

kemarahan secara tidak terkawal kerana perbuatan tersebut hanya akan merosakkan keharmonian serta memadamkan ketenangan dalam institusi kekeluargaan. Firman Allah SWT dalam surah al-Furqan, ayat 74:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ

إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Maksudnya: *“Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,

Mimbar menyeru para jamaah Jumaat sekalian agar memperbanyakkan amalan bersedekah dan berwakaf dengan penuh keikhlasan, sebagai usaha menghapuskan sifat mazmumah seperti tamak dan kedekut dalam diri. Amalan mulia ini wajar dipupuk dalam institusi kekeluargaan kerana bukan sahaja dapat menghapuskan dosa, bahkan turut membawa keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Di samping itu, amalan berwakaf dan bersedekah juga menjadi benteng yang dapat melindungi seseorang daripada pengakhiran hidup yang tidak baik. Hal ini selaras dengan hadis yang diriwayatkan daripada Muaz bin Jabal *radiallahu'anhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ.

Maksudnya: “Sedekah itu memadamkan dosa sebagaimana air memadamkan api.” (Riwayat al-Tirmizi).

Bagi memudahkan urusan ibadah ini, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah bekerjasama dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk menyediakan pelbagai platform berwakaf melalui mesin ATM, perbankan internet, aplikasi mudah alih, dan kod QR DuitNow. Antara inisiatif utama yang diperkenalkan ialah sistem wakaf tunai secara automatik melalui pendebitan keuntungan akaun simpanan GIRO. Kaedah ini membolehkan pelanggan berwakaf secara berterusan setiap bulan hanya menggunakan nilai keuntungan yang diperoleh tanpa menjejaskan wang simpanan pelanggan. Semoga setiap sumbangan dan wakaf yang kita tunaikan diterima Allah SWT sebagai amal jariah yang berkekalan.

وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.

فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
 وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
 كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
 آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
 مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
 عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ
 الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ
 بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
 بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah
 Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung,
 Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu
 ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki
 mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan
 Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat
 yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan
 mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan
 perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun*
 serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyahal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang
 istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat,
 berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan
 harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya
 kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon
 pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْطِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com